

22 SEP 2001

Gerakan-Universiti

GERAKAN AKAN TUBUH KOLEJ ATAU UNIVERSITI

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Gerakan akan menyediakan rangka tindakan bagi menubuhkan kolej atau universiti maya bagi menawarkan pengajian jarak jauh dan latihan serta melatih semula pekerja bagi memenuhi hasrat kerajaan melahirkan pekerja yang berkualiti tinggi di negara ini.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata negara ini perlu melahirkan pekerja yang memiliki kemahiran dan kelayakan bagi meningkatkan persaingan negara dalam pasaran antarabangsa.

"Kita mesti berfikir cara dan kaedah bagaimana untuk meningkatkan lagi kualiti pekerja kita.

"Saya sudah mengarahkan biro pendidikan parti menyediakan rangka tindakan itu bagi menubuhkan kolej atau universiti jarak jauh," katanya pada siang media selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan jawatankuasa pusat parti di sini hari ini.

Dr Lim berkata universiti atau kolej itu akan menyediakan kemudahan dan peluang kepada mereka yang tidak mempunyai kelayakan asas tetapi mempunyai pengalaman untuk meneruskan pengajian di peringkat diploma atau ijazah.

Menghasilkan pekerja yang berkualiti tinggi mesti seimbang dengan merit dan keperluan dan menambah bahawa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan ekonomi berasaskan pengetahuan sangat penting bagi menghadapi globalisasi.

Semua elemen ini akan dibincangkan pada mesyuarat agung tahunan ke-30 parti di sini dan 29 dan 30 Sept ini yang bertemakan "Bangsa Malaysia Generasi Wawasan". Mesyuarat itu akan dihadiri 1,600 perwakilan dan 400 pemerhati.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Barisan Nasional akan merasmikan mesyuarat itu pada 29 Sept.

Dr Lim berkata pada masa lepas, ekonomi Malaysia adalah berasaskan kepada menyediakan tenaga pekerja bagi industri berintensifkan buruh yang tidak memerlukan kemahiran.

"Dalam hubungan ini kami merasakan kerajaan tidak dapat menyediakan latihan berterusan untuk tenaga kerja terutama mereka yang sudah berumur dan cuba mendapatkan diploma atau ijazah bagi membaiki diri," katanya.

Dr Lim berkata sebahagian daripada tenaga pekerja merupakan mereka yang berkelakan untuk meneruskan pengajian di peringkat diploma dan ijazah tanpa perlu menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan mereka sewajarnya diberikan peluang untuk berbuat demikian.

-- BERNAMA  
SHS AFY LAT